

3M: Murid dijadual pulau kelas hari ini

KUALA LUMPUR, Rabu.— Soal sama ada kira-kira 320 murid-murid darjah satu Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Yu Hwa Kajang memulaukan kelas kerana 'membantah' Sistem 3M akan diketahui pagi esok.

Bagaimanapun, Jabatan Pelajaran Selangor dan Guru Besar sekolah tersebut telah merayu kepada ibubapa murid-murid berkenaan supaya

menghentikan tindakan itu.

"Kami merayu berulang kali supaya ibubapa itu terus menghantar anak-anak mereka ke sekolah seperti biasa esok," kata Pengarah Pelajaran Selangor, Encik Mohamad Diah Haji Noordin, hari ini.

Beliau berkata, isu membantah Kurikulum Baru 3-M tidak patut ditimbulkan dan tidak wajar dilibatkan murid-

murid yang tidak tahu apa-apa.

Yang penting, kata beliau, ibubapa perlu bersikap jujur dan terus membenarkan anak-anak mereka dari darjah satu bersekolah seperti biasa.

Bagaimanapun, Encik Mohamad Diah tidak tahu sama ada rancangan membolkot kelas itu diteruskan. "Tengok saja perkembangannya esok jam 7.30 pagi," tambahnya.

Beliau juga berkata, guru besar sekolah berkenaan telah menghantar surat pekelling kepada ibubapa murid-murid yang terlibat supaya jangan memulaukan kelas.

Surat pekelling itu meminta kerjasama ibubapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah seperti biasa.

Jabatan Pelajaran Selangor juga telah mengadakan pertemuan tiga jam dengan ahli Jemaah Lembaga Sekolah, Guru Besar dan wakil-wakil ibubapa mengenai perkara itu.

Bagaimanapun, pertemuan itu gagal membuat sebarang penyelesaian kerana setengah ibubapa tetap berkeras tidak mahu membenarkan anak-anak yang terlibat ke sekolah.

Difahamkan, tidak semua ibubapa 320 murid yang terlibat itu bersetuju memulaukan kelas.

Sebahagiannya 'tunduk' dengan amaran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang akan bertindak tegas ke atas golongan tertentu yang sengaja menyalahgunakan api perkauman mengenai pelaksanaan Sistem 3-M.

Perdana Menteri, Sabtu lalu mengingatkan rakyat jangan membangkitkan atau membahaskan isu sensitif sama ada kepada Bumiputera atau bukan Bumiputera kerana ia boleh mencetuskan huru-hara.

2320

imaan 6/4/85